

BAB V

PENUTUP

A. Kesimpulan

Mengingat besarnya kemungkinan penyebarannya yang berbahaya, isu LGBT ini penting untuk diatasi dengan penuh semangat. Cukup mudah bagi individu untuk terpengaruh oleh segala sesuatu yang disajikan dan dipamerkan kepada mereka di era globalisasi dan media sosial saat ini tanpa mempertimbangkan kesan positif dan negatifnya. Ada banyak permasalahan yang dapat berdampak buruk pada institusi masyarakat dan pada akhirnya meningkatkan kemungkinan keruntuhan suatu negara. Persyaratan hukum yang ada saat ini harus diberlakukan sesegera mungkin untuk menjamin bahwa setiap permasalahan baru yang muncul di negara ini dapat segera diatasi.

Peranan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) memainkan peranan yang sangat penting dalam menangani masalah LGBT yang menimbulkan citra buruk bagi pemaksaan dan didikan agama. Sebab, setiap hari ada pemberitaan di media tentang masalah kerusakan moral dan akhlak umat islam. Diantaranya adalah lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). Pergaulan bebas, hedimisme (hiburan ekstrem), vandalism, kekerasan dalam rumah tangga, kecanduan narkoba, perzinahan, asusila, permerkosaan, dll.

Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP) Malaysia telah melaksanakan berbagai kegiatan untuk membina kehidupan berlandaskan aqidah ditengah-tengah masyarakat banyak. Dalam menangani berbagai problematika yang dihadapi JAIP, disaring berbagai upaya dalam meningkatkan penanganan masalah sosial terutama dikalangan masyarakat yang terlibat dengan gejala LGBT. Para pegawai JAIP juga melaksanakan kegiatan yang telah dirancang dengan teliti dan program kerja yang lebih tersusun. Ini semua adalah untuk meningkatkan pembinaan aqidah dikalangan masyarakat Negeri Pahang Darul Makmur.

Kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh pihak JAIP menunjukkan betapa besarnya peranan JAIP terhadap masalah sosial yang terjadi di kalangan masyarakat lebih-lebih lagi ianya melibatkan aqidah islam itu sendiri. Peranan tersebut telah diwujudkan dalam usaha-usaha JAIP menyediakan program-program islamiyah kepada golongan ini. Ini dapat mengurangi persentase peningkatan masalah LGBT di Negeri Pahang, JAIP juga telah berkerjasama dengan bagian

penguatkuasaan bagi mengambil tindakan kepada mereka yang salah dan terlibat dengan gejala ini.

Ini kerana, setiap usaha-usaha dan peranan JAIP adalah dengan tujuan untuk mengisfarkan golongan LGBT di Pahang. Kerana terkadang terdapat golongan LGBT dari negeri-negeri lain yang masuk ke Pahang dan membawa pengaruh LGBT. Oleh kerana itu JAIP memegang peranan penting dalam menjaga gagasan negeri Pahang dan memberi ilmu kepada golongan ini kerana apa yang pihak JAIP lihat ada diantara golongan ini ingin berubah.

Akhir sekali, dalam menangani masalah dekadensi moral remaja dan masyarakat umumnya JAIP juga telah mengadakan berbagai langkah pemulihan yang telah terprogram diberbagai institusi khususnya, tujuannya adalah untuk membina manusia-manusia bermoral dan dapat hidup berlandaskan syariat Islam. Walaupun petunjuk Al-Qur'an dan hadits, hukum, dan nilai-nilai budaya masyarakat Malaysia semuanya menyatakan bahawa perlakuan buruk terhadap kelompok LGBT pada prinsipnya tidak dapat diterima. Namun hal ini tidak menghilangkan hak mereka atas bimbingan dan nasihat. Strategi ini menganut ajaran dakwah Islam, yang memberikan kesempatan kepada pelanggar untuk bertobat dari kesalahan dan maksiatnya serta mencari ampunan Allah.

B. Saran

Kepada pihak Kerajaan tempatan agar lebih menaruh perhatian yang lebih khusus terhadap JAIP ini. Pengalokasian dana untuk memudahkan Jabatan Agama Islam Pahang melaksanakan lebih banyak usaha dalam penanganan masalah LGBT. Serta kerjasama-kerjasama Kerajaan dalam penegasan undang-undang Negara terhadap kesalahan gejala ini.

Kepada pihak Jabatan Agama Islam Pahang dapat terus berkoleberasi dengan Majlisi Agama Islam Pahang (MUIP) dalam melakukan gerak kerja dan program-program kesedaran dan pembangunan kerohanian terhadap masyarakat di Pahang Darul Makmur itu sendiri. Ini kerana golongan ini tidak boleh dipinggirkan atau ditinggalkan ia akan menyebabkan mereka lari dari landasan yang telah ditetapkan.

Dan yang terakhir, kepada pihak JAIP agar terus menerus meningkatkan kualitas diri agar kerja-kerja lebih membekas dalam mengantisipasi problematika sosial dikalangan masyarakat.